

MEMO

Daripada : Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Elektrik			
Kepada : Senarai edaran seperti di Lampiran A			
Salinan Kepada :			
Bil. Fail Kami: (57)PKR(L)4/3/27Jld.4	Tarikh: 2 Disember 2010	Bil. fail tuan:	Tarikh:

Tuan/Puan,

PEMERHATIAN MESYUARAT LEMBAGA PEROLEHAN B JKR – Anggaran Jabatan Tidak Boleh Dipinda


Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada Lembaga Perolehan B JKR bernombor rujukan (65)JKR.UB(S0123/PUB/21Kit.21 bertarikh 24 November 2010 adalah berkaitan.

2. Bersama-sama ini dikemukakan surat teguran yang dikeluarkan oleh Lembaga Perolehan B JKR dalam mesyuarat Bil.32/2010 pada 3 November 2010 untuk makluman dan tindakan pihak tuan/puan selanjutnya.
3. Susulan daripada teguran ini, tuan/puan diarah untuk sentiasa mematuhi Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara Tender ; ruj. Surat Arahan KPKR bertarikh 25 Mei 2000 supaya perkara ini tidak berulang lagi pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


.....
(Ir. Hj. MOHD. FAZLI BIN OSMAN)
Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Elektrik
Ibu Pejabat JKR Malaysia

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Perunding Rekabentuk, CKE
2. Pengarah Perkhidmatan Pakar, CKE
3. Ketua Jurutera Elektrik
Bahagian Perunding Rekabentuk A
4. Ketua Jurutera Elektrik
Bahagian Perunding Rekabentuk B
5. Ketua Jurutera Elektrik
Bahagian Perunding Rekabentuk C
6. Ketua Jurutera Elektrik
Bahagian Perunding Rekabentuk D1
7. Ketua Jurutera Elektrik
Bahagian Perunding Rekabentuk D2
8. Ketua Jurutera Elektrik
Bahagian Perunding Rekabentuk E
9. Ketua Jurutera Elektrik
Unit Perunding Akustik & ELV
10. Ketua Jurutera Elektrik
Unit Perunding ICT & Telekomunikasi
11. Ketua Jurutera Elektrik
Unit Perunding Senggara Elektrik
12. Ketua Jurutera Elektrik
Unit Standard, Pengujian & Makmal
13. Ketua Jurutera Elektrik
Unit Inspektorat & Pengurusan Tenaga
14. Jurutera Elektrik Penguasa
Bahagian Perunding Rekabentuk (kump. Tugas Khas)
15. Jurutera Elektrik Penguasa Kanan
Unit Pembangunan Kompetensi
16. Jurutera Elektrik Penguasa Kanan
Unit Pengurusan Korporat & Strategik
17. Jurutera Elektrik Penguasa Kanan
Unit Pengurusan Sistem Kualiti & Aset



JE (Fedly)

scan + upload
allm lesson learnt cke
wbs7e

3/12



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

CAWANGAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA
ARAS 14 - 18, MENARA TUN ISMAIL MOHAMED ALI
NO. 25, JALAN RAJA LAUT
50582 KUALA LUMPUR

Tel : 03-26165033 - Pengarah Kanan
03-26165408 - Pengurusan (P)
03-26165055 - Pengurusan (K)
03-26165398 - Pentadbiran
Fax : 03-26938293 - Pengarah Kanan
03-26977157 - Pengarah (K)
03-26915602 - Pentadbiran
Laman Web: <http://www.jkr.gov.my>



Ruj. Kami :

Tarikh :

SULIT

Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Elektrik
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 11, Centrepont North
The Boulevard, Mid Valley City
59200 KUALA LUMPUR

(65) JKR-UB(S)123/PUB/21 Kit.21
24 November 2010

CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK IBU PEJABAT JKR		CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK BAGIAN PENTELABAHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN
☐ PPR	☐ KJE	02 DEC 2010
☐ PPP	☐ PPT	
☒ BPKS	☐ PA	
29 NOV 2010		☐ USPK & A ☐ PPT ☐ UKK & S ☐ PA ☐ UKK

Handwritten: J. S. Lee, u/f. k/s

Tuan,

PEMERHATIAN MESYUARAT LEMBAGA PEROLEHAN B JKR

Pemasangan Elektrik Untuk Pembinaan Pusat Pertahanan Awam (JPAM) Negeri Pahang.

Anggaran Jabatan Tidak Boleh Dipinda.

Adalah saya dengan hormatnya memaklumkan bahawa tender di atas telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Perolehan B JKR Bil. 32/2010 pada 3 November 2010.


2. Lembaga telah meneliti Laporan Penilaian Tender dan membuat pemerhatian seperti berikut :-

- i. Terdapat dua (2) Anggaran Jabatan yang ditetapkan oleh Jabatan. Anggaran Jabatan Pertama (Asal) dihantar kepada Urusetia Jawatankuasa Pembuka Tender pada 23 September 2010 (tarikh tutup tender) berjumlah RM2,300,760.00. Anggaran Jabatan Kedua (Terkini) dibuat semasa proses penyediaan Laporan Penilaian Tender dijalankan yang berjumlah RM1,805,000.00. Ianya dilakukan setelah didapati Anggaran Jabatan Pertama (Asal) adalah tertinggi dari kedudukan senarai petender-petender dan didapati ianya tidak munasabah.
- ii. Seramai lima belas (15) pentender memasuki tender ini. Pentender terendah menawarkan harga RM1,514,664.00 dan pentender tertinggi menawarkan harga RM1,949,409.00. Jabatan menyediakan Laporan Penilaian Tender berdasarkan Anggaran Jabatan Kedua (Terkini) berjumlah RM1,805,000.00.


..2/



NO. SRI SULIT, MS ISO 9001:2008



MS ISO 14001 CERT. NO. J01301102



SULIT


(65) JKR:UB(S)123/PUB/21, Klt. 21
24 November 2010

- iii. Pertukaran Anggaran Jabatan telah mengakibatkan perkara-perkara berikut :
- a. Nilai Harga 'Cut-Off' berubah dari RM1,569,000.00 (berdasarkan AJ Asal) kepada RM1,577,000.00 (berdasarkan AJ Terkini).
 - b. Kedudukan petender yang berada di kedudukan pertama di bawah paras Harga 'Cut-Off' turut berubah,
3. Lembaga melahirkan rasa kebimbangannya dan memandang serius hasil Laporan Penilaian Tender ini berdasarkan faktor-faktor berikut :
- i. Jabatan tidak seharusnya menukar Anggaran Jabatan selepas dari tarikh tutup tender. Ini adalah bertentangan dengan Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara Tender, ruj. Surat Arahan KPKR bertarikh 25 Mei 2000 adalah berkaitan.
 - ii. Perakuan Jabatan adalah bergantung kepada kedudukan paras Harga 'Cut-Off'. Justeru langkah Jabatan meminda Anggaran Jabatan boleh dipertikai oleh pentender-petender yang menyertai tawaran ini terhadap ketelusan penilaian tender Jabatan.
4. Sehubungan dengan itu, Lembaga memberi teguran keatas perkara yang telah dinyatakan di atas. Perhatian dan tindakan dari Jabatan Tuan amatlah dihargai dalam memastikan perkara tersebut tidak berulang di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'CINTAILAH BAHASA KITA'

Saya yang menurut perintah,


(DATO' Sr. ABDULL MANAF BIN HJ. HASHIM)
Pengarah Kanan
Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan
Ibu Pejabat JKR
KUALA LUMPUR.

"MEMUPUK KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN PELANGGAN"